

27 MAC 2018

Tingkat kempen kesedaran elak terjebak sindiket

Ms.13

→ **PRIHATIN**

Tingkat kempen kesedaran elak terjebak sindiket

Sepang: Pelbagai program dan kempen pencegahan perlu diperbanyakkan lagi oleh pihak berkaitan bagi memastikan orang ramai tidak terjebak menjadi mangsa sindiket dadah antarabangsa.

Pengerusi Biro Kebajikan UM-NO (BiKUM), Datuk Dr Shamsul Anuar Nasarah, berkata berikutan itu, pihaknya mempunyai perancangan khas membawa mangsa sindiket dadah antarabangsa, Nor Suzanna Azmi, 36, dan Noor Azimah Sapie, 38, menjelajah ke beberapa lokasi bagi berkongsi kisah mereka, sekali gus memberi kesedaran kepada masyarakat.

"Ada segelintir masyarakat kita mungkin dalam keadaan terdesak dan mereka melihat ada peluang untuk menyelesaikan masalah itu, jadi dia terjebak (dengan sindiket dadah).

"Justeru, kita perlu berusaha meningkatkan kesedaran rakyat. Pada masa sama, BiKUM menerima permintaan daripada keluarga individu yang mempunyai anak ditahan di luar negara dan sebab itu, usaha pencegahan perlu dilakukan," katanya ketika ditemui di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini, semalam.

Beliau hadir menyambut ketibaan Nor Suzanna dan Noor Azimah dari Lima, Peru selepas ter-

kandas di negara berkenaan, masing-masing kira-kira 12 dan 10 tahun lalu.

Misi enam hari

Mengulas misi dilaksanakan BiKUM, Shamsul Anuar berkata, ia dijalankan selama enam hari oleh biro berkenaan diketuai Setiausaha Operasinya, Mohd Awie Shoubli Jamal.

Beliau berkata, usaha membawa pulang wanita itu dimulakan dua tahun lalu selepas mangsa hadir dalam satu majlis bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak bertemu rakyat Malaysia sempena persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pacific (APEC) di Lima pada November 2016.

"Proses membawa mereka pulang mengambil masa lama kerana banyak dokumen perlu diselesaikan, terutama kedua-dua wanita ini turut berkahwin dengan rakyat tempatan dan mempunyai anak.

"Kita juga perlu menyelesaikan dokumentasi ahli keluarga masing-masing bagi membolehkan mereka masuk dan tinggal di negara ini," katanya.

Beliau berkata, dianggarkan lebih RM250,000 diperuntukkan bagi membawa pulang kedua-dua wanita terbabit bersama ahli keluarga pulang ke tanah air.